

07 MAR 2003

BN-TAWAN

BN YAKIN TAWAN TERENGGANU, TETAPI PAS TERUS TERSENYUM

Analisis Berita Oleh: Ali mamat

KUALA TERENGGANU; -- Kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa pilihan raya umum akan datang tidak akan diadakan sebelum persaraannya Oktober depan nampaknya sedikitpun tidak memperlahankan tempo persediaan parti-parti politik di Terengganu bagi menghadapi pilihan raya itu.

Bahkan, dalam beberapa segi, pergerakan jentera pilihan raya dua parti utama iaitu Umno sebagai tulang belakang Barisan Nasional (BN) dan PAS yang menerajui pemerintahan negeri ini ternyata semakin rancak.

Senario terbaru memperlihatkan bagaimana pemimpin-pemimpin PAS negeri dan daerah bergerak siang dan malam dalam cubaannya untuk menidakkan kebangkitan semula pengaruh Umno di Terengganu selepas tewas teruk pada pilihan raya umum 1999.

Ketika semua pihak mengakui hakikat wujudnya peningkatan ketara pengaruh Umno itu, pemimpin-pemimpin PAS sedikitpun tidak menunjukkan kegusaran akan kehilangan kuasa di negeri ini.

Bahkan, ada di kalangan pemimpin PAS mendakwa perkembangan terbaru itu hanya sekadar "lakonan yang dimainkan oleh rakyat Terengganu agar tidak tercicir daripada menerima manfaat" yang dicurahkan oleh Umno dan kerajaan pusat dalam pelbagai bentuk habuan dan bantuan, termasuk Wang Ehsan.

"Sama-samalah kita tunggu pilihan raya...nanti tahulah siapa sebenarnya yang menjadi pilihan rakyat," kata Wan Hassan Wan Ramli, seorang anggota Exco Kerajaan Negeri Terengganu ketika ditemui beberapa hari sebelum beliau berlepas ke Tanah Suci Mekah untuk mengerjakan ibadat haji.

GELOMBANG BIRU

Wan Hassan yang juga Ketua PAS Dungun menganggap "gelombang biru" yang menjadi teras gerak gempur Umno dalam usahanya untuk menawan semula Terengganu hanya sekadar "gembar-gembur bagi mengelirukan pengundi sambil menyedapkan hati pucuk pimpinan di peringkat pusat".

"Kalau kita takutkan gelombang, masakan kita berani mendirikan rumah di tepi pantai," sindir Wan Hassan sambil ketawa.

Beliau memandang remeh dakwaan pemimpin-pemimpin Umno bahawa melihat kepada gelombang perubahan yang sedang hebat melanda sekarang, pengundi-pengundi tidak mungkin akan memberi kepercayaan kepada PAS untuk sekali lagi menerajui pemerintahan di Terengganu.

Dalam hampir semua perjumpaan dengan rakyat sejak kebelakangan ini, Timbalan Ketua Perhubungan Umno Negeri Datuk Idris Jusoh dan pemimpin-pemimpin di peringkat negeri yang lain secara terbuka melahirkan keyakinan bahawa BN akan kembali berkuasa di Terengganu selepas pilihan raya umum akan datang.

Andaian mereka berdasarkan "head-count" yang boleh dikatakan hampir selesai dijalankan oleh jentera parti di semua 32 kawasan Dewan Undangan Negeri dan lapan kawasan Parlimen.

Idris dan hampir semua pemimpin Umno negeri yang ditemui sependapat bahawa setakat ini Umno mempunyai peluang yang sangat cerah untuk menang di sekurang-kurangnya 16 kerusi DUN, termasuk empat yang dikuasai sekarang, dan berkedudukan lebih 50 peratus di sekurang-kurangnya tujuh kerusi lagi.

SENARAI KERUSI

Walaupun mereka enggan menyenaraikan kerusi-kerusi berkenaan, sesetengah pemerhati politik di sini berpendapat di antara kawasan yang

Umno semakin selesa ialah Kuala Besut, Kampung Raja dan Hulu Besut di kawasan Parlimen Besut, Permaisuri, Langkap dan Batu Rakit (Setiu), Seberang Takir dan Bukit Tunggul (Kuala Nerus), Bandar dan Ladang (Kuala Terengganu), Telemong dan Ajil (Hulu Terengganu), Bukit Besi dan Rantau Abang (Dungun), Kemasik, Kijal, Chukai dan Air Putih (Kemaman).

Kerusi-kerusi DUN yang Umno dikatakan turut menaruh keyakinan dengan syarat tumpuan yang lebih bersungguh-sungguh diberikan, terutama kepada golongan "atas pagar" yang bilangannya dikatakan agak besar, termasuk Jertih di Besut, Jabi (Setiu), Pengkalan Berangan (Marang), Manir dan Kuala Berang (Hulu Terengganu) dan Paka (Dungun).

Umno menyandarkan andaian mereka kepada semakin banyak penyokong PAS yang telah meninggalkan parti itu, termasuk "penghijrahan" terbaru membabitkan kira-kira 2,000 orang di Besut baru-baru ini.

Pendedahan demi pendedahan mengenai kegagalan kerajaan PAS membangunkan negeri serta menjana pertumbuhan ekonomi, penyalahgunaan agama untuk kepentingan politik, penyelewengan atau salah laku pemimpin-pemimpinnya serta memungkiri janji-janji pilihan raya turut meningkatkan keyakinan Umno, kata pemerhati.

Wan Hassan mengakui PAS terpaksa bekerja keras untuk mempertahankan satu atau dua kerusi DUN yang kini dikuasainya, tetapi secara amnya ia masih mampu mengekalkan kuasanya di negeri ini.

PAS PUNYAI TUGAS BERAT

Pada amnya, kebanyakan pendokong PAS secara senyap-senyap mengakui bahawa parti itu mempunyai tugas yang berat untuk mempertahankan kerusi Kuala Besut, Hulu Besut, Permaisuri, Langkap, Bandar, Bukit Besi, Kijal, Chukai dan Air Putih yang dulu dimenangnya dengan majoriti yang sangat kecil iaitu antara 87 dan 598 undi.

Namun begitu, Wan Hassan mengingatkan, Umno jangan terlalu ghairah menyandarkan keyakinannya kepada jumlah majoriti kecil yang dimenangi calon-calon PAS serta isu-isu yang diketengahkan.

"Jika silap haribulan, bukan setakat jumlah majoriti di kawasan-kawasan berkenaan dapat ditingkatkan, bahkan empat kerusi DUN yang kini dikuasai Umno tidak mustahil dapat kita tawan," katanya.

Kerusi-kerusi iaitu ialah Seberang Takir, Telemong, Ajil dan Kemasik yang masing-masing dimenangi Umno dengan majoriti 557, 660, 125 dan 104 undi sahaja.

PAS menyandarkan andaian itu kepada keupayaannya menunaikan beberapa komitmen besar yang dijanjikan seperti penghapusan cukai pintu bagi rumah kediaman, pembahagian geran hakmilik tanah, penghapusan kegiatan judi berlesen dan sekatan terhad ke atas penjualan arak.

Kebanyakan pemimpin PAS yakin pemberian hakmilik tanah adalah satu senjata penting baginya ketika berhadapan dengan pengundi pada pilihan raya akan datang kerana dakwa mereka "apa yang gagal dilaksanakan oleh Umno selama kira-kira 40 tahun memerintah Terengganu mampu dilaksanakan PAS sebaik saja berkuasa pada 1999".

MENJAJA SLOGAN

Sehubungan itu PAS kini rancak sekali menjaja slogan sinis "undilah Umno kalau mahu cukai pintu dikenakan semula, pengagihan hakmilik tanah dihentikan, kedai nombor ekor dihidupkan balik dan penjualan arak berleluasa semula".

Malah, PAS melihat pengagihan Wang Ehsan oleh kerajaan pusat kepada rakyat yang berhak sebagai ganti kepada bayaran royalti petroleum kepada kerajaan negeri selepas ia berkuasa di Terengganu sebagai "satu rahmat terselindung".

Anggota-anggota Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR) yang menjadi mata dan

telinga PAS di setiap pelusuk negeri terus menerus mencanangkan bahawa kerana PAS memerintahlah maka rakyat Terengganu berpeluang menerima Wang Ehsan.

"Undilah BN pada pilihan raya akan datang kalau tidak mahu lagi menikmati Wang Ehsan," sindir mereka.

Malah, penarikan balik bayaran royalti petroleum terus dieksploitasi oleh pemimpin-pemimpin PAS sehingga ada yang mendakwa, bukan setakat Wang Ehsan tetapi lebih banyak yang boleh dilakukan oleh kerajaan PAS untuk kebaikan rakyat jika Terengganu terus menerima bayaran itu.

Berasaskan senario semasa, Umno tidak seharusnya memandang lekeh keupayaan PAS dalam mengatur barisan pertahanannya.

Sebaliknya, PAS sudah tentu tidak mampu "bergoyang kaki" kerana pelbagai strategi yang disusun Umno sejak kebelakangan ini ternyata telah mula membuahkan hasil. Tindakan terbaru kira-kira 2,000 anggota PAS keluar parti di Besut adalah satu daripada contohnya. -- Bernama

AM KGO